

POTENSI PELANCONGAN DI TAMPIN, NEGERI SEMBILAN

**Farrah Wahida Mustafar¹, Abd Aziz A'zmi¹, Norizan Mohd Noh²,
Nurliana Suhaini¹ dan Aimi Khairunnisa Abdul Karim¹**

¹Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka

²Fakulti Kejururawatan dan Sains Kesihatan, Kolej Universiti Islam Melaka
farrahwahida@kuim.edu.my

ABSTRAK

Industri pelancongan dapat memberikan impak yang sangat besar kepada sesebuah lokasi dan komuniti. Dengan demikian, sangatlah penting bagi sesebuah kawasan mengetahui apakah potensi pelancongan yang boleh diwujudkan dan dijadikan sebagai produk pelancongan. Artikel ini membincangkan tentang potensi pelancongan di Tampin, Negeri Sembilan. Kajian ini merupakan penerokaan lokasi pelancongan yang terdapat di Tampin berdasarkan maklumat dari Majlis Daerah Tampin. Tampin merupakan salah sebuah daerah di Negeri Sembilan. Negeri Sembilan dikenali sebagai negeri beradat dan sejarah asal-usul keturunan Minangkabau yang datang dari negara seberang, Sumatera, Indonesia. Tampin mempunyai beberapa kawasan yang boleh dikomersialkan hasil tinggalan sejarah warisan budaya selain daripada faktor semula jadi dan ciri istimewa yang telah diwujudkan. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti potensi pelancongan di Tampin, Negeri Sembilan. Pengumpulan maklumat bagi kajian ini adalah secara memaparkan senario di kawasan-kawasan produk pelancongan bagi mengenal pasti potensi sebagai usaha untuk memperkasakan lagi daerah Tampin dalam sektor pelancongan. Artikel ini adalah artikel konsep menggunakan kaedah pengumpulan penulisan sekunder sahaja justeru tiada pengumpulan data. Melalui kajian ini, terdapat tiga jenis ciri tarikan yang terdapat di Tampin iaitu semula jadi, kebudayaan dan tarikan istimewa. Kesemua lokasi ini mempunyai dimensi yang berbeza namun perlu diperkasakan agar membolehkan kawasan ini boleh memberikan kenangan dan memori yang unik dan berharga kepada pengunjung.

Kata Kunci: Tampin, Pelancongan, Potensi

Tourism Potential in Tampin, Negeri Sembilan

ABSTRACT

The tourism industry gives a significant impact on a location and community. Therefore, an area needs to know what tourism potential can be created to offer a tourism product. This article discusses the potential of tourism in Tampin, Negeri Sembilan. Thus, this study is an exploration of the tourism location in Tampin based on information from the Majlis Daerah Tampin. Tampin is one of the districts in Negeri Sembilan. Negeri Sembilan is known as the civilization and history of the origin of the Minangkabau people who came from Sumatra, Indonesia. Tampin has several areas that can be commercialized as a result of the long history of cultural heritage in addition to the natural factors and unique features. The objective of this study is to identify tourism potential in Tampin, Negeri Sembilan. The information gathered for this study is to present scenarios in the areas of tourism products to identify potential as an effort to strengthen the Tampin district in the tourism sector further. This article is a concept article and produced results using secondary writing collection. This study has shown that there are three types of attractions in Tampin, which is a natural, cultural and unique attraction. All of these locations have different dimensions but need to be strengthened to allow this area to provide unique and valuable memories to visitors.

Keyword: *Tampin, Tourism, Potential*

PENGENALAN

Prestasi pelancongan telah meningkat sejak sekitar tahun 1980-an malahan sektor ini juga merupakan penggerak ekonomi yang dinamik kerana memberi impak bersifat multi dimensi khususnya politik, ekonomi dan sosial (Habibah, 1994). Namun begitu, pertumbuhan pesat dalam sektor ini telah bermula sejak dari tahun 1960-an di Asia Tenggara. Menurut Habibah (1994) lagi, bagi negara Indonesia, Malaysia dan Thailand lebih ketara pertumbuhannya sekitar tahun 1980 hingga 1992. Habibah (1994) menjelaskan tentang perkembangan industri pelancongan di negara-negara Asia Tenggara (*Association of Southeast Asian Nations* atau ASEAN) yang telah ditubuhkan pada 8 Ogos 1967 itu bagi tujuan untuk mengukuhkan kerjasama serantau (Jabatan Penerangan Malaysia, 2015). Profil pelancong yang datang ke negara ASEAN dilihat mempunyai kriteria yang sama dan hal ini dilihat bahawa sektor pelancongan mempunyai persaingan yang agak sengit di negara sekitar.

Industri pelancongan dianggap pemangkin bagi industri yang lain seperti sektor penyediaan penginapan, makanan, pengangkutan, pemandu pelancong, kraftangan dan sebagainya. Bukan mudah untuk menjadikan

satu-satu kawasan pelancongan itu diminati dan dibuat kunjungan ulang oleh pelancong. Tambahan pula, destinasi percutian ini telah didominasi oleh lokasi tertentu seperti keindahan pantai dan pulau, seperti di Bali, Indonesia dan Phuket, Thailand. Namun begitu, pada tahun 1970-an dan awal tahun 1980-an, Malaysia popular dengan tempat percutian di Pulau Pinang sebagai Pulau Pinang, Kuala Lumpur sebagai ibu negara dan Melaka sebagai Bandar Bersejarah berbanding dengan negeri-negeri lain (Habibah, 1994).

Walau bagaimanapun, setiap negara dan negeri mempunyai lokasi yang menarik dan berupaya menarik pelancong baik dari dalam dan luar negara bagi merasai pengalaman yang berbeza. Sepertimana di Negeri Sembilan yang mempunyai persekitaran dan sumber alam yang banyak. Aset semula jadi baik berasaskan alam sekitar mahupun budaya merupakan sebahagian daripada indikator dalam mengembangkan dan memajukan sektor pelancongan (Habibah et al., 2013). Kebudayaan masyarakat setempat memainkan peranan yang sangat penting dalam mempromosikan satu-satu kawasan pelancongan. Pelancong terdedah dengan elemen kebudayaan setempat dan ini boleh menyumbang kepada pengalaman lawatan mereka sebagai contoh di Malaysia, pelancong sering mengadakan lawatan ke Melaka, Pulau Langkawi dan Pulau Pinang (Basri, 2013). Di lokasi tersebut terdapat persembahan tradisional masyarakat setempat, makanan tempatan dan pameran kraftangan. Justeru itu, artikel ini membincangkan tentang potensi pelancongan yang berfokus di Tampin, Negeri Sembilan.

KONSEP UMUM PELANCONGAN

Pelancongan boleh didefinisikan sebagai seorang pelawat adalah sesiapa yang mengunjungi mana-mana negara, selain negara tempat ia bermastautin, dengan sebarang alasan, selain alasan pekerjaan dari negara yang dilawati (Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu, 1963). Pelancongan merujuk kepada aktiviti melawat, melancong atau mengembara ke sesuatu tempat lain yang melebihi lima puluh batu (83 kilometer) dari tempat kediaman tidak lebih dari satu tahun untuk tujuan rekreasi atau mengisi masa lapang (Er, 2013). Pelancongan boleh difahami sebagai suatu aktiviti dan rekreasi berdasarkan keinginan dan mengisi masa lapang seseorang pengunjung untuk mendapat kepuasan dan memberi pengalaman yang bermakna, pihak berkuasa atau pihak berkepentingan perlulah merancang pembangunan pelancongan. *World Tourism Organization* (1997) telah menggariskan bentuk - bentuk pembangunan pelancongan iaitu:

- i. Pusat peranginan (*resort*).
- ii. Pelancongan bandar (*urban tourism*).
- iii. Pelancongan minat khusus dan pengembaraan (*special interest and adventure tourism*) seperti agropelancongan, desa dan ekopelancongan.

- iv. Pelancongan lain yang berasaskan pengangkutan, pelancongan belia, etnik, keagamaan dan nostalgia.

Perancangan pelancongan merupakan satu perancangan yang menyeluruh melibatkan pelbagai komponen bagi memenuhi kumpulan sasarannya iaitu pelancong (sama ada pelancong domestik atau antarabangsa) (Rosniza et al., 2012). Sesebuah kawasan perlu mengambil kira semua komponen pembangunan dalam perancangan pelancongan seperti tarikan dan aktiviti pelancong, penginapan, industri dan perusahaan, infrastruktur, pengangkutan, hospitaliti dan lain-lain akan dapat meningkatkan industri pelancongan. Faktor-faktor yang perlu diambilkira dalam perancangan pembentukan konsep pembangunan kawasan pelancongan (Inskeep, 1996):

- i. Aktiviti tarikan : asas penting seperti alam semula jadi, kebudayaan dan aktiviti unik yang berkaitan dengan lokasi yang menarik minat pengunjung.
- ii. Kemudahan penginapan : pelbagai kemudahan penginapan untuk menarik pelancong tinggal lebih lama ketika melakukan lawatan kunjungan.
- iii. Kemudahan pengangkutan : kebolehsampaian ke satu-satu destinasi termasuklah pengangkutan darat, air dan udara.
- iv. Perkhidmatan dan kemudahan pelancongan lain : restoran, kraftangan dan cenderamata, spa, bank perkhidmatan tukaran wang asing, perkhidmatan perubatan, polis, imegresen dan sebagainya.
- v. Infrastruktur lain : contoh air, internet dan elektrik yang dianggap sangat penting bagi pengunjung.
- vi. Elemen institusi : institusi perancangan keperluan manusia, contoh Majlis Daerah Tampin bagi tujuan untuk memajukan dan menguruskan pelancongan melalui strategi pemasaran dan promosi dan kawalan ekonomi, persekitaran dan sosiobudaya.

Mohamad Zaki, Johan Afendi dan Norria (2016) mengatakan bahawa para tokoh akademik bersetuju lima 'A' bagi pelancongan iaitu *accessibility* (kemudahsampaian), *accomodation* (penginapan), *attractions* (tarikan), *activities* (aktiviti) dan *amenities* (kemudahan) perlu diberikan perhatian dan bertindak sewajarnya oleh pihak berkepentingan dalam usaha untuk menjadikan sesebuah lokasi sebagai sebuah destinasi pelancongan yang berdaya saing dan mampu menarik pelancong untuk datang. Destinasi didefinisikan oleh Basri (2013) ialah wujudnya sesuatu kawasan, kemudian kawasan tersebut dimajukan untuk tujuan tertentu dan kebanyakan pengguna atau pengunjung terdiri daripada pelancong atau pelawat yang mempunyai tujuan untuk ingin dipenuhi. Oleh itu, lokasi destinasi yang diinginkan dijadikan sebagai tempat pelancongan perlulah mempunyai elemen yang indah dan cantik bagi menarik pelawat untuk berkunjung ke kawasan tersebut. Lawatan yang dijalankan perlulah memberi makna dan kesan

kepada pelawat agar mereka pulang dengan kenangan dan memori yang bermakna. Hal ini boleh difahami bahawa setiap tempat pelancongan mesti mempunyai suatu tarikan yang menarik untuk dijadikan objek pelancongan dan kemudahan prasarana sebagai pelengkap untuk kegunaan pengunjung.

Selain itu, di dalam perancangan pelancongan juga harus mengambilkira kepentingan dan keperluan penduduk tempatan untuk dikongsi bersama-sama. Sumbangan industri pelancongan ini dapat membuka peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan sekaligus membantu menjana pendapatan tempatan, negeri dan negara. Proses perancangan pelancongan harus melibatkan penduduk tempatan sama ada secara langsung atau tidak langsung khususnya pembuatan keputusan yang melibatkan pembangunan kawasan setempat. Pelancongan sering kali dikaitkan sebagai agen pembangunan untuk mengatasi masalah kemiskinan dan kemunduran di sesebuah kawasan (Jabil, 2016). Mohd Samsudin dan Sulong Mohamad (2013) mengatakan bahawa industri pelancongan dapat memberikan pulangan besar kepada negara antaranya ialah Mesir, Turki, Monaco dan Indonesia. Namun begitu, pelancongan yang dirancang perlu memberi manfaat kepada komuniti setempat, destinasi dan pelancong (Jabil, 2016). Abdul Rasid, Mohamad Zaid dan Syed Sheikh (2014) mengatakan pelancongan dijadikan sebagai strategi pembangunan terutama di kawasan luar bandar khususnya di kebanyakan negara membangun. Perkembangan industri pelancongan di luar bandar dapat mengurangkan masalah penghijrahan belia ke bandar-bandar. Berdasarkan kepada aktiviti dan produk pelancongan masyarakat setempat, Dani Salleh (2008) menyenaraikan tumpuan aktiviti pelancongan di negeri-negeri tertentu berdasarkan beberapa produk utama yang menjadi daya tarikan iaitu:

- i. Produk berasaskan sumber alam semula jadi
- ii. Produk berasaskan kebudayaan dan adat setempat
- iii. Produk berasaskan kegiatan membeli-belah (produk-produk tempatan)
- iv. Produk berasaskan bahan atau tempat bersejarah
- v. Produk berasaskan kegiatan yang berkaitan dengan pantai dan sungai.

Berdasarkan pengelasan tarikan pelancongan yang lazim digunakan oleh Inskeep (1996) pula ialah tarikan semulajadi yang berdasarkan ciri persekitaran semula jadi, tarikan budaya yang berdasarkan kegiatan manusia dan jenis tarikan istimewa yang dicipta secara buatan. Tarikan semula jadi dijelaskan oleh Inskeep (1996) ialah iklim yang pelbagai negara di dunia seperti salji bagi tujuan bermain ski, keindahan pemandangan seperti tanaman sawah padi berteres, kawasan pantai dan laut untuk aktiviti rekreasi air seperti selam skuba, flora dan fauna yang menarik dan luar biasa, ciri persekitaran istimewa seperti kawasan pergunungan, gua dan mata air panas kawasan taman dan pemuliharaan seperti taman negara dan pelancongan kesihatan seperti kolam air mineral.

Seterusnya tarikan budaya pula ialah berdasarkan kegiatan manusia iaitu tapak arkeologi, bersejarah dan budaya termasuk monumen dan rumah

ibadah, pola budaya yang berbeza yang antaranya merangkumi adat, pakaian dan cara hidup, seni dan kraftangan, kegiatan ekonomi yang menarik seperti penanaman teh, kawasan bandar yang menarik, muzium dan kemudahan budaya yang lain seperti galeri seni, pesta kebudayaan dan keramahan penduduk. Manakala jenis tarikan tertentu pula iaitu kawasan pelancongan yang telah direka dan diwujudkan bagi tujuan tarikan pengunjung antaranya ialah taman bertema, taman hiburan dan sarkas, membeli-belah, mesyuarat, persidangan dan konvensyen, serta rekreasi dan sukan. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji dan mengenal pasti lokasi Tampin berpotensi menjadi sebuah destinasi pelancongan. Kenal pasti potensi bagi suatu kawasan adalah suatu usaha penting untuk memberikannya identiti.

TAMPIN, NEGERI SEMBILAN

Lokasi bagi kajian ini adalah salah sebuah negeri yang terletak di selatan Malaysia iaitu Tampin, Negeri Sembilan. Pemilihan lokasi kajian adalah kerana negeri ini dilihat dapat memberi impak kepada sektor pelancongan di Malaysia kerana mempunyai kriteria khas dan aset utama bersifat sejarah dan warisan budaya yang dianggap dapat menjadikan tarikan pelancong.

Negeri Sembilan mempunyai tujuh daerah iaitu Seremban, Port Dickson, Rembau, Jelevu, Kuala Pilah, Jempol dan Tampin. Berdasarkan aktiviti kegiatan masyarakat Negeri Sembilan pula, The Negeri Sembilan Future menyatakan bahawa Negeri Sembilan umumnya dipacu oleh industri berasaskan pertanian yang merangkumi ladang getah, kelapa sawit, kawasan ternakan haiwan, dusun buah-buahan dan tanaman sayur-sayuran seluas 309 850 hektar tanah digunakan. Hal ini dapat digambarkan bahawa keadaan geografi dan bentuk muka bumi Negeri Sembilan yang bergunung-ganang telah membuka ruang kepada penduduk lebih banyak beraktiviti berburu, memungut hasil hutan dan bercucuk-tanam (Ruswandy, 2017). Berdasarkan sejarah lalu, masyarakat Minangkabau suka bertani, tambahan pula faktor geografi di Negeri Sembilan telah menjadikan masyarakat ini meneruskan aktiviti pertanian dengan meluas.

Negeri Sembilan umumnya dikenali dengan negeri beradat. Namun begitu, negeri ini hanya popular lokasi tertentu sahaja khususnya Port Dickson yang mempunyai sumber semula jadi pantai, manakala kawasan rekreasi, hutan lipur dan air terjun di Jelevu, Jempol dan Kuala Pilah, warisan adat budaya Istana Seri Menanti di Kuala Pilah dan Gunung Datuk di Rembau. Daerah Tampin pula yang terletak di bawah seliaan Majlis Daerah Tampin, telah menyenaraikan beberapa kawasan menarik iaitu Taman Tasik Tampin, Dataran Tampin, Taman Rekreasi Tampin, Tampin Water Park, Gunung Tampin, Lay By Tampin (R&R), Balai Tunku Besar Tampin, Replika Peti Surat No. 66, Stesen Keretapi Gemas, Dataran Kampung Tengah

Gemencheh, Tugu Peringatan Sungai Kelamah (Portal Rasmi Majlis Daerah Tampin, 2 Ogos 2019).

Tampin terdiri daripada lapan kawasan iaitu Bandar Tampin, Pekan Gemencheh, Gemencheh Lama, Gemencheh Baru, Batang Melaka, Air Kuning Selatan, Gedok dan Gemas. Berdasarkan pensejarahan yang dijelaskan oleh Rosiswandy (2017), Negeri Sembilan terkenal dengan Adat Perpatih yang mempengaruhi sistem sosial hidup masyarakat. Adat Perpatih ini berasal dari Sumatera berdasarkan kepada penghijrahan orang Minangkabau. Perjalanan dan laluan yang mereka gunakan adalah melalui dua arah iaitu Sungai Linggi ke Sungai Rembau, dan yang kedua ialah Sungai Muar ke Sungai Serting. Dengan demikian, orang Minangkabau merantau ke pedalaman daerah Tampin, Kuala Pilah dan Jempol. Terdapat satu lagi laluan ke Negeri Sembilan iaitu dari Palembang melalui Singapura yang pada ketika itu dikenali sebagai Temasik. Oleh yang demikian, Negeri Sembilan mempunyai sejarah warisan budaya yang unik untuk dikaji dan berpotensi untuk dijadikan produk pelancongan. Dengan adanya sektor pelancongan ini, warisan budaya yang diamalkan boleh dikekalkan dan tidak akan pupus telan dek zaman. Walau bagaimanapun, fokus kajian hanya satu daerah sahaja di Negeri Sembilan iaitu Tampin. Kajian ini memilih Tampin sebagai lokasi kajian berdasarkan faktor potensi luar bandar yang ingin dikenal pasti.

POTENSI PELANCONGAN DI TAMPIN, NEGERI SEMBILAN

Potensi pelancongan di Tampin dapat dibahagikan kepada tiga ciri tarikan yang dicadangkan oleh Inskeep (1996) bagi menilai potensi pelancongan di satu-satu kawasan iaitu ciri semula jadi, ciri kebudayaan dan ciri istimewa.

Ekopelancongan dan rekreasi: Gunung Tampin, Gua Batu Maloi, Tampin Water Park dan Tampin Extreme Park

Ciri semula jadi yang terdapat di Tampin ialah Gunung Tampin dan Gua Batu Maloi yang mempunyai ciri yang istimewa iaitu kawasan hutan lipur ini merupakan kawasan terakhir Banjaran Titiwangsa. Gua Batu Maloi ialah kawasan air terjun dan gua berbatu sangat unik. Aktiviti lasak boleh dilakukan, flora dan fauna yang menarik dan luar biasa serta penceritaan sejarah melalui lisan oleh penduduk kampung di kawasan tersebut menjadi tarikan penting yang dapat dikaji dan dikembangkan bagi tujuan komersial. Rosniza et al. (2012) mendapati bahawa secara umumnya pelancong tempatan dan antarabangsa berminat terhadap destinasi pelancongan luar bandar berciri ekopelancongan bagi tujuan percutian termasuk bagi tujuan pelancongan ilmu, budaya, sukan dan eko. Penghayatan alam semulajadi dengan kenal pasti sumber flora dan fauna sebagai satu aktiviti berpendidikan supaya pelancong dapat merasai keunikan semasa melawat atau beraktiviti (Dani Salleh, 2008).

Ekopelancongan adalah berkonsepkan alam semula jadi dan melibatkan elemen pendidikan dan pembelajaran kepada pelancong dan penduduk tempatan. Aktiviti ini dijalankan melalui kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam semulajadi serta menyumbang faedah kepada ekonomi setempat disamping mereka boleh berhibur, merasai keseronokan dan menikmati keindahan alam (Nor Hizami Hassin, 2019). Faktor-faktor yang mendasari ekopelancongan yang terdapat di satu-satu lokasi adalah keindahan alam semulajadi, masakan khas dan kearifan komuniti tempatan. Walau bagaimanapun, di kawasan laluan masuk Hutan Lipur Gunung Tampin tiada hiasan landskap, kawasan parkir yang disediakan tidak berturap dan kawasan sekitar yang semak-samun. Manakala arah jalan yang mengelirukan kerana tiada papan tanda tunjuk arah. Hal ini akan menyebabkan motivasi pelancong akan berkurangan disebabkan faktor kemudahan yang tidak tersedia. Gua Batu Maloi pula, komuniti sama-sama membantu menjaga kawasan sekitar namun begitu, penyediaan dan penyelenggaraan kemudahan kurang baik terutama di tempat mandi dan tandas.

Tampin Water Park pula, pelancong boleh merehatkan badan dan minda kerana kawasan ini terletak di kaki Gunung Tampin. Persekitaran kawasan ini sangat menenangkan memandangkan kawasan ini berada di hujung kawasan komuniti lokal. Kajian Rosniza et al. (2012) mendapati kebanyakan pengunjung yang datang ke tempat rekreasi adalah bertujuan untuk mandi-manda, membawa keluarga bersiar-siar dan berehat. Dengan demikian, penglibatan komuniti perlu diperkasakan agar pengunjung dapat merasai kenikmatan suasana kampung dengan mendiami inap desa beradat Negeri Sembilan. Selain itu, penyediaan makanan kampung brecirikan budaya setempat di kedai-kedai makan berpotensi menjadikan kawasan Tampin lebih dikenali. Selain itu, memandangkan Tampin Water Park ini berada di kawasan bandar Tampin, terdapat kemudahan yang disediakan bagi mendapatkan barangan keperluan di Tampin. Kepelbagaian produk dan pilihan yang ada serta harga yang berpatutan menjadikan Tampin lokasi yang sering dikunjungi oleh penduduk sekitar. Bagi kemudahan mendapatkan makanan pula, terdapat 12 restoran termasuk makanan segera yang disenaraikan oleh Majlis Daerah Tampin.

Homestay Gemas Warisan Budaya Negeri Beradat

Gemas merupakan salah sebuah kawasan di dalam daerah Tampin. Gemas mempunyai *homestay* atau dikenali juga sebagai inap desa yang berdaftar di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MoTAC). Terdapat empat buah kampung yang telah dikenal pasti mengusahakan inap desa iaitu di Kampung Londah, Kampung Bangkahulu, Kampung Ladang dan Kampung Ulu Ladang. Kawasan persekitaran kampung yang masih lagi belum terusik menjadikan kawasan ini begitu asli dengan ciri desa. Ciri khas ini boleh dijadikan sebagai simbol keistimewaan kepada pengunjung

atau penginap. Namun begitu, persekitaran ini perlu bercirikan adat lokal yang popular di Negeri Sembilan atau perlu diteroka ciri khas komuniti yang belum dikaji seperti komuniti Kampung Bangkahulu yang mempunyai persamaan nama dengan salah sebuah provinsi di Sumatera, Indonesia. Ini adalah kerana, menurut Mohd Rosli (2015) mengatakan di Negeri Sembila mempunyai pelbagai etnik yang terdiri dari Orang Asli, Minangkabau, Siak, Kampar, Rawo, Mandailing, Champa, Jambi, Arab, Parsi dan Bangkahulu.

Selain daripada kawasan kampung yang tidak menarik kerana tiada hiasan landskap dan tidak bercirikan adat lokal, aktiviti yang disediakan juga perlu lebih menarik dan memberi pengalaman yang bermakna kepada pelancong sama ada pelancong asing atau domestik. Berikut merupakan aktiviti untuk tetamu inap desa yang boleh dilaksanakan sepanjang mereka menginap:

Jadual 1: Aktiviti untuk Tetamu Inap Desa

Bil.	Aktiviti untuk tetamu inap desa
1.	Budaya dan cara hidup i) Sejarah ii) Tarian, lagu dan makanan tradisional iii) Permainan dan sukan rakyat iv) Budaya: perkahwinan, acara keramaian dan kenduri
2.	<i>Leisure</i> i) <i>Sightseeing</i> ii) <i>Jungle tracking</i> iii) <i>White water rafting</i> iv) Melawat tarikan terdekat
3.	Kegiatan ekonomi i) Menoreh getah ii) Penternakan ikan iii) Pertanian: padi, koko, kelapa sawit dan buah-buahan.
4.	Pemuliharaan alam sekitar I) <i>Program Plant a Tree (PAT)</i> : setiap pelancong digalakkan untuk menanam sebatang pokok di inap desa yang mereka lawat untuk menyumbang memulihara alam sekitar di samping mengindahkan lanskap inap desa yang dikunjungi.

Sumber: Mohamad Zaki, Johan Afendi dan Norria, 2016

Cara pengurusan dan kualiti perkhidmatan bagi menjaga dan membangunkan kawasan dengan lebih efisien menjadi keutamaan bagi menarik pengunjung untuk singgah atau datang bercuti. Perkhidmatan yang baik merupakan faktor yang menyumbang kepada ketibaan dan permintaan pelancong kerana berupaya memberikan pengalaman yang menghibur dan menyeronokkan malah menambah pengetahuan. Selain itu, kualiti perkhidmatan dan produk yang diberikan kepada pelancong hendaklah sentiasa dipertingkatkan khususnya dari aspek kebersihan dan kekemasan

penginapan, kualiti makanan, aktiviti beramah mesra bersama pelancong. Remali dan Nor' Azurah (2017) mendapati bahawa faktor utama kedatangan pelancong tempatan dan asing adalah aspek kebersihan, kecantikan dan keselesaan kawasan peranginan serta kemudahan perjalanan ke tempat destinasi. Antara produk sedia ada dan produk baharu yang boleh diketengahkan seperti pelanconan tani (tanaman, ternakan dan perikanan), pelancongan berasaskan alam (ekopelancongan seperti hutan simpan, air panas dan air terjun), pelancongan berasaskan pendidikan, pelancongan berasaskan kebudayaan, pelancongan berasaskan makanan, pelancongan berasaskan kesihatan (seperti herba dan mengurut) dan pelancongan berasaskan aktiviti keagamaan (seperti upacara dan senibina rumah ibadah).

Kawasan berhampiran perkampungan Homestay Gemas dilihat tidak menonjolkan sebarang produk keluaran tempatan seperti makanan atau produk kraf yang mudah diakses. Hal ini mungkin disebabkan tiada penyertaan dalam program pembangunan industri desa seperti perusahaan kecil dan sederhana di kawasan berkenaan. Perkampungan Homestay Gemas adalah kawasan berpusat memandangkan empat kampung yang terlibat dalam program Homestay adalah berdekatan dan melalui jalan utama yang sama. Kawasan ini akan lebih menarik dan meriah sekiranya diwujudkan satu pusat sehenti yang mempamerkan, menonjolkan dan menjalankan perniagaan berasaskan produk tradisi dan warisan tempatan. Konsep ini telah wujud seperti perusahaan produk tradisional tempatan di Klebang, Melaka dan perusahaan masakan salai di Rembau, Negeri Sembilan. Kewujudan pusat sehenti ini seharusnya menjana ekonomi penduduk apabila orang ramai yang melalui kawasan ini berhenti dan berurus niaga selain daripada kehadiran pelancong yang diketahui hanya hadir secara bermusim atau pada hari-hari tertentu sahaja.

Pembangunan sumber manusia atau modal insan dalam kalangan penduduk yang terlibat dan penggerak komuniti perlu dikekalkan supaya sentiasa berdaya saing. Antara cabaran yang perlu dilalui sama ada bagi pihak sektor awam dan juga sektor swasta ialah bagaimana untuk memberi khidmat pendidikan kepada masyarakat ataupun pelancong dalam aspek pendidikan warisan dan juga pendidikan alam sekitar. Kerjasama yang erat antara pelbagai pihak dalam mewujudkan pembangunan pelancongan warisan yang lestari perlu dilakukan terutamanya yang melibatkan pihak Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan universiti tempatan (Zuliskandar Ramli, Mazlin Mokhtar, Muhammad Rizal Razman & Sharifah Zarina Syed Zakaria, 2015).

Batu Megalith Makam Dato Nisan Tinggi, Tugu Peringatan Sungai Kelamah dan Stesen Keretapi Gemas

Terdapat dua tempat tinggalan sejarah warisan budaya iaitu Batu Megalith Makam Dato Nisan Tinggi dan Tugu Peringatan Sungai Kelamah. Menurut Siti Salina, Zuliskandar, Noratikah dan Shamsuddin (2019) menjelaskan

bahawa batu megalith telah wujud di Negeri Sembilan sejak dari abad ke 14 hingga ke 15 di beberapa tempat iaitu Rembau, Jelebu, Kuala Pilah dan Tampin. Asal-usul Batu Megalith yang berasal dari zaman Yunani lagi disebut sebagai batu besar yang digunakan untuk tujuan ibadat. Dengan demikian, batu ini dikatakan keramat dan ada yang berpandangan batu megalith ini hidup. Batu ini dikatakan sudah wujud bertaburan di seluruh dunia semenjak zaman pra sejarah (neolitik) lagi. Di Malaysia, kebanyakan kajian yang dijalankan oleh pihak kurator Lembaga Muzium Negeri Sembilan (LMNS), terdapat lebih 3000 batu megalith di Negeri Sembilan. Walau bagaimanapun, batu megalith ini hanya terdapat di Perak, Negeri Sembilan, Selangor, Melaka, Sabah dan Sarawak sahaja.

Manakala Tugu Peringatan Sungai Kelamah pula merupakan sungai tempat berlakunya serangan tentera Australia ke atas tentera Jepun yang berlaku pada 14 Januari 1941 (Norasmah, Noshafarin & Chan, 1995). Tentera Jepun dikatakan telah menyerang bermula dari arah utara ke selatan iaitu melalui Kedah. Kemudian bergerak serangan ke Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan menuju ke Negeri Sembilan. Dengan tujuan untuk menakluki Singapura yang merupakan pusat pengkalan tentera British telah menyebabkan Jepun memilih Gemas sebagai laluan ke Johor. Dengan demikian, pertempuran telah berlaku di jambatan Sungai Kelamah oleh pihak Jepun dan Australia. Hasil dari letupan serangan itu telah menyebabkan ramai tentera yang terkorban antara 15 dan 16 Januari 1942.

Berdasarkan hasil kajian literatur membuktikan bahawa lokasi ini berpotensi dijadikan produk pelancongan disamping dapat mengekalkan penceritaannya tidak hilang begitu sahaja. Siti Salina dan Zuliskandar (2018) menegaskan bahawa perlindungan khazanah warisan sangat penting kerana dengan pemuliharaan dapat mengekalkannya bagi paparan kepada generasi akan datang. Tanpa selenggaraan dan pembangunan di kawasan tapak warisan boleh menyebabkan kemusnahan dan rosak lalu berkurangan bilangannya. Dengan demikian, tiada lagi bahan atau produk pelancongan yang boleh menjadi tarikan ke negeri atau negara tersebut. Hal ini didapati bahawa di kawasan berkenaan tiada hiasan landskap atau sebarang taman rekreasi untuk dijadikan tempat persinggahan. Malah papan tanda juga usang serta rumput yang panjang sehingga menutupi artifak atau monumen tersebut.

Gemas sebuah pekan yang terkenal sebagai pusat pertemuan laluan keretapi bagi wilayah selatan, pantai timur dan utara Keistimewaan ini seharusnya dikekalkan sebagai imej dan identitinya dalam sektor pengangkutan awam. Keistimewaan ini juga perlu dimanfaatkan penduduk tempatan supaya penumpang yang transit di Stesen Keretapi Gemas dapat menikmati apakah keistimewaan yang ditawarkan di Bandar Gemas. Bandar Gemas perlu mempunyai imej tersendiri untuk menarik pengunjung sebagaimana imej Wakaf Che Yeh dan Rantau Panjang di Kelantan, Padang Besar, Perlis dan Tangkak, Johor. Walaupun Stesen Keretapi Gemas yang baru telah siap dibina bagi menggantikan operasi stesen yang lama, namun ia sekadar pengantian sebuah stesen yang lama kepada stesen yang lebih

moden dan selesa. Stesen Keretapi Gemas lama yang dibina pada 1906 diuar-uarkan sebagai antara lokasi tarikan pelancong namun keadaannya kelihatan uzur dan terbiar. Sekiranya kerja-kerja pengubahsuaian, pemuliharaan dan pengindahan dijalankan, stesen yang usianya melebihi 100 tahun itu tidak harus terbiar dimamah usia, malahan perlu menjadi lokasi menggamit memori dengan wajah baharu yang lebih segar dan menarik.

KESIMPULAN

Tampin terdapat kawasan ekopelancongan seperti Gunung Tampin dan Gua Batu Maloi. Dengan demikian, Tampin dapat diklusterkan sebagai kawasan pelancongan rekreasi dan pelancongan budaya. Ini dapat dilihat para penggemar aktiviti lasak dapat melakukan aktiviti di Tampin Extreme Park dan mendaki Gunung Tampin. Gua Batu Maloi terletak di dalam jalur Gunung Tampin. Ciri tarikan kebudayaan yang terdapat di Tampin pula ialah Homestay Gemas, Batu Megalith Makam Dato Nisan Tinggi, Stesen Keretapi Gemas, Tugu Peringatan Sungai Kelamah, Gereja St. John Vianney 1956 dan Gurdwara Sahib. Ciri tarikan yang terakhir ialah ciri istimewa iaitu Tampin Extreme Park, Tampin Water Park dan Gemas Golf Resort.

Kesemua lokasi yang terdapat di Tampin boleh dan berpotensi untuk dijadikan produk pelancongan disamping meningkatkan taraf kehidupan komuniti setempat. Walau bagaimanapun, disebabkan lokasi bandar Tampin dan Homestay Gemas agak jauh kira-kira 55 hingga 58 kilometer menyebabkan pelancong tidak dapat berkunjung kesemua lokasi serentak. Namun, sekiranya disediakan kemudahan dan infrastruktur yang baik seperti jalan raya yang selesa, surau, tandas atau tempat penginapan, keindahan landskap serta mudah untuk mendapatkan makanan yang enak bercirikan tradisi iaitu lemang, penganan dan masak lemak cili api, tidak mustahil pengunjung akan memanjangkan tempoh yang lebih lama berada di Tampin. Dengan demikian, pihak berkepentingan perlu mempergiatkan sumber tarikan sedia ada dan diteroka produk-produk baharu yang lebih inovatif dan pelbagai dengan menumpukan kepada tema-tema tertentu seperti keunikan, kelebihan dan keistimewaan kebudayaan satu-satu lokasi.

Keperluan kerjasama antara kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan dalam memainkan peranannya masing-masing bagi memperkenalkan destinasi kawasan pelancongan. Pihak Perancang Bandar, MDT perlu memainkan peranan dalam menjaga keindahan dan kebersihan landskap kawasan dan lokasi pelancongan khususnya yang bercirikan rekreasi dan budaya. Manakala Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MoTAC) sebagai pihak pengurusan Negeri Sembilan bagi memantau lokasi-lokasi yang berkenaan agar sentiasa dalam keadaan baik dan terjaga. Selain itu, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) menggerakkan komuniti mengindahkan kawasan dengan penyediaan inap desa yang diberi

bimbingan. Pihak-pihak berkepentingan ini perlu membantu mempertingkatkan promosi, sistem penyebaran maklumat dan penerangan melalui pusat informasi pelancongan. Promosi supaya masyarakat mengetahui tempat-tempat yang boleh dikunjungi secara meluas dan berkesan. Semua pihak memainkan peranan seperti kerajaan negeri, kerajaan persekutuan dan kementerian pelancongan perlu memainkan peranan. Yusof (2010) menjelaskan perlunya mempergiatkan usaha penyebaran maklumat, penerangan dan promosi program. Papan tanda dan tunjuk arah hendaklah dibina dengan jelas dan mudah difahami khususnya bagi pelancong yang tidak biasa dengan keadaan setempat. Bahan-bahan penerangan seperti risalah dalam pelbagai bahasa hendaklah disebarkan menerusi pejabat pelancongan Malaysia, kedutaan Malaysia di luar negeri, hotel-hotel, lapangan terbang, syarikat penerbangan, pusat membeli belah ternama, saluran media cetak dan televisyen, ekspo, pusat pengajian tinggi dan lain-lain kawasan yang berpotensi menjadi tumpuan pelancong. Penguasaan dan kemahiran dalam bidang teknologi maklumat menjadi sangat penting bagi mempromosi melalui laman sesawang dengan memaparkan dengan persembahan lebih kreatif dan inovatif.

Bagi pembangunan komuniti pula, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) perlu memainkan peranan dalam membantu penduduk yang mempunyai minat dan motivasi yang tinggi dalam usaha untuk mengenal pasti peluang memajukan program inap desa. Penglibatan penduduk boleh memberi impak kepada industri pelancongan seperti tukang urut tradisional dan menyediakan makanan dan minuman kepada pelancong. Selain itu, boleh menyediakan pelbagai aktiviti berunsurkan pendidikan secara berpakej kepada pelajar. Cadangan untuk memastikan pelancongan inap desa dapat dinaiktaraf antaranya dengan membina dan menaiktaraf sistem perkhidmatan terutamanya dalam sektor penginapan dan landskap. Kemudahan penginapan dan persekitaran yang indah sangat penting bagi menggalak pelancong berkunjung ke kawasan tersebut.

Artikel ini juga mencadangkan untuk kajian yang akan datang boleh dijalankan ke atas pihak berkepentingan dalam menguruskan kawasan-kawasan pelancongan bagi tujuan pembangunan. Dengan demikian, dapatlah menilai kepada tahap pengurusan dan tadbir urus kawasan pelancongan. Selain itu, kajian terhadap kepuasan pelanggan terhadap pelancong yang berkunjung bagi mengetahui apakah keperluan dan kehendak (tolakan dan tarikan) mereka untuk menambahbaik lokasi dan kawasan Tampin juga dianggap sangat penting untuk diketahui.

RUJUKAN

Abdul Rasid Abdul Razzaq, Mohamad Zaid Mustafa & Syed Sheikh Syed A. Kader. (2014). Pembangunan keupayaan komuniti menerusi pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman (*experiential learning approach*): pengalaman di Miso Walai Homestay Kinabatangan Sabah. Persidangan Pendidikan (Penyelidikan dan

- Inovasi) dalam Pendidikan Teknikal dan Vokasional kali ke-4 (CiE-TVET 2014), Johor, 25-26 Ogos, 1196-1206. Diperoleh dari, http://eprints.uthm.edu.my/6758/1/Pembangunan_Keupayaan_Komuniti_Menerusi_Pendekatan.pdf, dicapai pada, 2 Ogos 2019.
- Bahagian Penerbitan Dasar Negara, Jabatan Penerangan Malaysia. (2015). Jom Kenali ASEAN. Diperoleh dari, https://www.penerangan.gov.my/dmdocuments/jom_kenali_asean/files/assets/common/downloads/publication.pdf, 31 Oktober 2019.
- Basri Rashid. (2013). Elemen destinasi dan kesan terhadap pengalaman percutian. *Malaysian Journal of Society and Space*, 9(4), 118-127.
- Dani Salleh. (2008). Sungai sebagai alternatif produk pelancongan di Negeri Kedah, dlm. Mohamad Sukeri Khalid, Rohana Yusof, Mohamad Mustafa Ishak, Abdul Rahman Aziz, Mohd. Fo'ad Sakdan & Shafee Saad, *Kedah 100 tahun 1900-2000: isu-isu politik dan sosio-ekonomi*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Edward Inskeep. (1996). *Perancangan Pelancongan: Pendekatan Pembangunan Bersepadu dan Berkekalan*. Terj. Che Elainee Che Hassan & Norlida Abd. Halim, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Er, A.C. (2013). Pembangunan pelancongan lestari di Melaka: perspektif pelancong. *Malaysian Journal of Society and Space*, 9(3), 12-23.
- Habibah, A. (1994). Industri pelancongan di ASEAN: satu cabaran. *Akademika*, 44(1), 15-44.
- Habibah Ahmad, Hamzah Jusoh, Mushrifah Idris, Amriah Buang, Nur Amirah Kamarus Zaman, Sri Winarni & Ahmad Nazrin Aris Anuar. (2013). Pemeriksaan asset semula jadi untuk kelestarian pelancongan di Negeri Pahang. *Malaysia Journal of Society and Space*, 9(3), 80-94.
- Jabil Mapjabil, Siti Nurain Marzuki, Badariah Ab Rahman, Rosmiza MZ, Mazdi Marzuki, Harifah Mohd Noor. (2016). Kualiti perkhidmatan dan kemudahan di Taman Tema i-City, Shah Alam. *Malaysia Journal of Society and Space*, 12(14), 89-96.
- Johan Afendi Ibrahim, Norhanim Abdul Razak & Mohamad Zaki Ahmad. (2015). Tasik Pedu tinggal kenangan. Prosiding Seminar Kebangsaan Transformasi Sosioekonomi di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) Kali ke-2, Universiti Utara Malaysia, 119-131.
- Johan Afendi Ibrahim & Shahrul Zaman Yahya. (2015). Potensi Bagan Datoh sebagai destinasi pelancongan negeri Perak: satu kajian awalan. Prosiding Persidangan Kebangsaan Geografi dan Alam Sekitar Kali ke-5, Universiti Perguruan Sultan Idris, 376-391.
- Lembaga Muzium Negeri Sembilan. Rumusan Seminar Batu Megalith 2017. Diperoleh dari, http://lmns.ns.gov.my/images/PDF/Seminar_Batu_Megalith/Sesi_Petang/RUMUSAN-SEMINAR-BATU-MEGALITH-NEGERI-SEMBILAN-DAN-RESOLUSI.pdf, dicapai pada 5 November 2019.

- Mohamad Zaki Ahmad, Johan Afendi Ibrahim & Norria Razak. (2016). Inap desa dan pembangunan sosioekonomi masyarakat luar bandar: Kuala Kedah sebagai destinasi baharu pelancongan. Prosiding Seminar Menangani Kenaikan Kos Sara Hidup: Isu dan Penyelesaian, Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur, 1-12.
- Mohd Rosli Saludin. (2015). Kepelbagaian dan keunikan adat Negeri Sembilan memperkuat bangsa. *Jurnal Peradaban Melayu*, 10, 1-15.
- Mohd Samsudin & Sulong Mohamad. (2013). Pengaruh warisan sejarah dalam industri pelancongan Langkasi. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 1(1), 99-109.
- Norasmah Bte Kamani, Norshafarin Bt Jamaludin & Chan Chee Chyn. (1995). Sejarah Gemas. *Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia* cawangan Negeri Sembilan (WARISAN 19), 86-104.
- Nor Hizami Hassin. (2019). Ekopelancongan dan impak kepada ekonomi, sosial dan alam sekitar. Diperoleh dari, <https://www.majalabsains.com/ekopelancongan-dan-impak-kepada-ekonomi-sosial-dan-alam-sekitar/>. Dicapai pada 3 Ogos 2019.
- Portal Rasmi Majlis Daerah Tampin. (2019). Diperoleh dari http://www.mdtampin.gov.my/ms/perniagaan/pembangunan-ekonomi/premis-perniagaanhttp://www.ns.gov.my/flipbook/quick_reference/files/quickreferences-data%20penting%20n.%20sembilan.pdf, dicapai pada 2 Ogos 2019.
- Remali Yusoff & Nor' Azurah Md Kamdari. (2017). Faktor tarikan pelancongan pantai: kajian kes di Pantai Irama Bachok, Kelantan. *Proceedings of International Conference on Economics (ICE 2017)*, 480-492.
- Rosiswandy Mohd Salleh. (2017). Sejarah pengamalan Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Seminar Jabatan Muzium Malaysia, 25 Mei, 1-66. Diperoleh dari, <http://www.jmm.gov.my/files/Sejarah%20Pengamalan%20Adat%20Perpatih%20Di%20Negeri%20Sembilan.pdf>, dicapai pada 10 September 2019.
- Rosniza Aznie CR., Usman Y., Suriati G., Abdul Rahim MN., Rosmiza MZ., Novel L. & Mohd Fuaz MJ. (2012). Pantai peranginan Besut, Terengganu sebagai destinasi pilihan pelancong. *Malaysian Journal of Society and Space*, 8(4), 64-74.
- Rosniza Aznie CR, Mohd Azlan Abdullah, Rozalini R, Rosmiza MZ, Abdul Rahim MN, Mohd Fuad MJ & Novel L. (2012). Potensi tarikan ekopelancongan rekreasi di Taman Rekreasi Air Panas (TRAP) Sungai Klah, Perak. *Malaysia Journal of Society and Space*, 8(7), 125-134.
- Siti Salina Masdey & Zuliskandar Ramli. (2018). Potensi pembangunan pelancongan berasaskan warisan di Bandar Hilir, Melaka: analisis SWOT. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 2(1), 253-265.
- Siti Salina Masdey, Zuliskandar Ramli, Nuratikah Abu Bakar & Shamsuddin Ahmad. (2019). Megalithic Site in Negeri Sembilan.

International Journal of Mechanical Engineering and Technology (IJMET), 10(01), 1159-1170.

- Tuty Haryanti Ahmad Rodzi. (2016). Dodol dalam tampin kekal aroma. *Berita Harian* 24 Jun. Diperoleh dari, <https://www.bharian.com.my/node/167642>, dicapai pada 2 Ogos 2019.
- Yusof Ismail. (2010). Program homestay dan kesannya ke atas pembangunan komuniti desa di Negeri Selangor, Malaysia. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia.
- Zuliskandar Ramli, Mazlin Mokhtar, Muhammad Rizal Razman & Sharifah Zarina Syed Zakaria. (2015). Pelancongan berasaskan warisan di Malaysia: potensi dan cabaran. Prosiding Seminar Antarabangsa Ke8: Ekologi, Habitat Manusia dan Perubahan Persekitaran, Langkawi, Kedah, 21-22 September, 471-485.